

**MESYUARAT POST MORTEM SEMPENA LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN DI
ZON C4 (FKTM ZON A, FKTEM PAUH 2 DAN PKU) PERINGKAT JPERT ZON C4,
KAMPUS ALAM UniMAP, PAUH PUTRA**

Tarikh : 7 Julai 2023 (Jumaat)
Masa : 10:15 pagi – 12:15 tengah hari
Tempat : <https://meet.google.com/iao-dbcz-idz>

Agenda:

1. Kata Aluan Komander Insiden Zon C4
2. Pembentangan Minit Latihan Pengungsian Bangunan Zon C4 Dan Mesyuarat Post Mortem 7 Jun 2023
3. Pembentangan Laporan Pemerhati Latihan Pengungsian Bangunan Zon C4 7 Jun 2023
4. Penambahbaikan JPert Zon C4
5. Perancangan JPert Zon C4 Tahun 2023
6. Hal-Hal Berbangkit
7. Penutup Oleh Komander Insiden Zon C4


BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1	<p><i>Kata Aluan Komander Insiden Zon C4</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengucapkan selamat pagi dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Pasukan Tindak Balas Kecemasan (JPert) zon C4, pengurus JPKPKP FKTM dan wakil-wakil JPKPKP FKTM lain yang hadir dalam mesyuarat ini. • Mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat semasa latihan pengungsian bangunan zon C4 (fire drill) pada 7 Jun 2023 yang lalu. • Kepentingan mesyuarat post mortem ini sempena latihan pengungsian bangunan Zon C4 bagi peringkat JPert Zon C4 bagi menambah baik JPert berdasarkan laporan atau komen yang diberi oleh pemerhati-pemerhati yang terlibat. 	- - -
2	<p><i>Pembentangan Minit Latihan Pengungsian Bangunan Zon C4 Dan Mesyuarat Post Mortem 7 Jun 2023</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Komander Insiden Zon C4 membentangan Minit Latihan Pengungsian Bangunan zon C4 dan Mesyuarat Post Mortem 7 Jun 2023. • Minit mesyuarat telah diluluskan. • Pencadang: En. Mohd Ridzuan Mohd Nor. Penyokong: En. Mazlan Mohd Husin. 	- - -

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
3	<p>Pembentangan Laporan Pemerhati Latihan Pengungsian Bangunan Zon C4 7 Jun 2023</p> <ul style="list-style-type: none"> Komander Insiden Zon C4 membentangan empat (4) Laporan Pemerhati Latihan Pengungsian Bangunan zon C4 7 Jun 2023 yang diterima daripada email COSHE pada 9 Jun 2023. 	-
4	<p>Penambahbaikkan JPERT Zon C4</p> <ul style="list-style-type: none"> Cadangan penambahbaikkan JPERT Zon C4 dimulakan dengan membincangkan laporan atau komen yang diterima dari 4 wakil pemerhati Latihan Pengungsian Bangunan Zon C4. Komen wakil pemerhati Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (En. Mohd Yusrizal Yusof) iaitu jawatankuasa masih boleh dipertingkatkan lagi dari segi pengumpulan penghuni. Cadangan 1: JPERT bercadang akan membeli dan menggunakan pembesar suara mudah alih (<i>loud inhaler</i>) untuk membantu memanggil, mengumpul dan menyusun peserta/penghuni dalam barisan mengikut aras di tempat berkumpul. Usul ini akan dibuat semasa mesyuarat JPKPKP FKTM yang akan datang agar pembelian tersebut dapat dilakukan. Cadangan 2: Penambahan ahli-ahli baru team ketua blok/aras JPERT dari kalangan staf FKTM yang akan diusulkan kepada mesyuarat JPKPKP FKTM. Berdasarkan komen pengurus JPKPKP FKTM (Ts. Dr. Tan Wee Choon): penambahbaikkan kesedaran pelajar semasa proses pengungsian bangunan. Cadangan JPERT melalui JPKPKP FKTM agar dapat memaklumkan kepada tenaga pengajar FKTM/FKTEN supaya meminta mereka semasa sesi awal P&P setiap sem memaklumkan kepada pelajar-pelajar berkaitan taklimat keselamatan & juga menayangkan video keselamatan FKTM 2023 agar dapat menambahkan kesedaran pelajar berkaitan kepentingan prosedur kecemasan semasa pengungsian bangunan. Pengurus JPKPKP FTKEN (Dr. Ahmad Fariz Hassan) pula memberi komen tiada penghadang longkang dekat DPU 2. Risiko pelajar/staf jatuh ketika kecemasan. Wakil JPERT telah membuat laporan e-aduan, JPERT masih menunggu tindakan Jabatan Pembangunan (JP) untuk membaiki penghadang longkang yang rosak tersebut seperti dalam email pada 16 Jun 2023. Wakil COSHE (Cik Afifah Sahidan) pula mengatakan pembahagian susunan baris semasa headcount agak berterabur. Cadangan 1: JPERT bercadang akan membeli dan menggunakan pembesar suara mudah alih (<i>loud inhaler</i>) untuk membantu memanggil, mengumpul dan menyusun peserta/penghuni dalam barisan mengikut aras di tempat berkumpul. Usul ini akan dibuat semasa mesyuarat JPKPKP FKTM yang akan datang agar pembelian tersebut dapat dilakukan. Cadangan 2: Penambahan ahli-ahli baru team ketua blok/aras JPERT dari kalangan staf FKTM yang akan diusulkan kepada mesyuarat JPKPKP FKTM. Pengurus JPKPKP FKTM (Ts. Dr. Tan Wee Choon) memaklumkan mesyuarat penutup audit COSHE dan mesyuarat JPKPKP FKTM terkini dirancang diadakan pada pertengahan dan akhir bulan Julai 2023. Puan Misni Rosli dari wakil pasukan ketua blok/aras bersetuju cadangan penambahan ahli-ahli baru pasukan ketua blok/aras JPERT dan pembelian <i>loud inhaler</i> bagi memudahkan urusan proses pengungsian bangunan di setiap aras dan membuat headcut di tempat kumpul. Buat masa ini, pasukan ini hanya mempunyai ahli seramai 4 orang. Ts. Shariifah Zarihan Syed Zaharim Helmi wakil pasukan kawalan trafik/ lalulintas mencadangkan penambahan ahli-ahli baru team pasukan kawalan trafik JPERT dari kalangan staf FKTM/PKU/FKTEN bagi mengawal 2 pintu utama laluan keluar masuk zon C4, laluan pejalan kaki ke tempat tunggu bas zon C4, laluan pejalan kaki ke blok bangunan merah jambu (FKTEN), laluan pejalan kaki ke perpustakaan dan laluan jentera bomba ke lokasi kecemasan. 	<p>-</p> <p>JPERT/ JPKPKP FKTM</p> <p>JPERT/ JPKPKP FKTM</p> <p>JP</p> <p>JPERT/ JPKPKP FKTM</p> <p>-</p> <p>-</p> <p>JPERT/ JPKPKP FKTM</p>

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
	<ul style="list-style-type: none"> En. Mohd Ridzuan Mohd Nor dari wakil pasukan pemadam dan penyelamat akan membawa usul kepada JPKPKP FTKEN untuk membeli alat pemadam api tambahan untuk makmal-makmal di FK TEN Pauh 2. 	JPERT/ JPKPKP FKTEN
5	<p>Perancangan JPERT Zon C4 Tahun 2023</p> <ul style="list-style-type: none"> Komander insiden membentangkan beberapa perancangan JPERT Zon C4 untuk tahun 2023. Antaranya ialah memohon kepada semua ahli JPERT untuk memastikan dokumen/poster berikut siap tersedia dan dikemaskini jika berlaku sebarang perubahan untuk setiap bengkel/makmal sebelum latihan pengungsian bangunan / audit iaitu: <ul style="list-style-type: none"> a. Carta JPKPKP FKTM/FKTEN/PKU b. Carta JPERT di zon C4 c. Pelan laluan kecemasan di zon C4 d. Talian kecemasan e. Prosedur tindakan kecemasan & pengungsian bangunan f. Polisi keselamatan BM & BI g. Rekod pendaftaran bahan kimia (sekiranya terlibat) h. Rekod Material Safety Data Sheet (MSDS) (sekiranya terlibat) i. Rekod Inventori Buangan Terjadual Bulanan (sekiranya terlibat) j. Borang penyerahan buangan Terjadual (sekiranya terlibat) JPERT Zon C4 merancang untuk mengadakan latihan pengungsian bangunan sekurang-kurangnya sekali setiap tahun atau mengikut nasihat COSHE. Komander insiden zon C4 menyeru semua ahli JPERT untuk memastikan semua peralatan pencegahan kebakaran berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan pada bila-bila masa dan semua laluan kecemasan bebas dari sebarang halangan. Komander insiden juga memaklumkan video keselamatan FKTM 2023 telah dipaparkan di website rasmi JPKPKP FKTM pada hujung bulan Jun 2023 yang lalu. Semua ahli JPERT Zon C4 diminta untuk menghadiri kursus/latihan berkaitan ERT seperti: <ul style="list-style-type: none"> a. Kursus Kesedaran Kebakaran b. Kursus Pertolongan Cemas Asas c. Basic Life Support Training d. Kursus-kursus anjuran COSHE yang berkaitan. JPERT Zon C4 terlibat bersama JPKPKP FKTM membuat dan menyediakan sistem kad pelawat zon C4 bagi membolehkan membuat headcount pelawat semasa kejadian kecemasan dan pengungsian bangunan dijalankan. Sistem ini masih dalam tempoh percubaan dan boleh dilayari juga di website rasmi JPKPKP FKTM. JPERT melalui JPKPKP FKTM merancang membeli item & peti pertolongan cemas yang baru untuk makmal/bengkel tertentu seperti mana yang disarankan dalam Garis Panduan Penyediaan Peti Pertolongan Cemas Asas UniMAP oleh COSHE. JPERT Mencadangkan borang taklimat keselamatan (akujanji) perlu diisi oleh semua pelajar FKTM/FKTEN sekali sebelum menggunakan sesuatu peralatan makmal semasa permulaan sebarang sesi PNP dan terpakai sepanjang tempoh pengajian di UniMAP atau setiap kali sem baru PNP. 	<p>-</p> <p>JPERT</p> <p>JPERT</p> <p>JPERT</p> <p>JPERT</p> <p>JPERT</p> <p>JPERT/ JPKPKP FKTM</p> <p>JPERT/ JPKPKP FKTM</p> <p>Tenaga pengajar dan pelajar FKTM/FKTEN</p>
6	<p>Hal-Hal Berbangkit</p> <ul style="list-style-type: none"> En. Mohd Ridzuan Mohd Nor dari wakil pasukan pemadam dan penyelamat mencadangkan JPERT Zon C4 mengadakan kursus pertolongan cemas asas yang merangkumi prosedur penggunaan item peti pertolongan cemas. Cadangan ini akan diusulkan kepada mesyuarat JPKPKP FKTM yang akan datang. 	JPERT/ JPKPKP FKTM/PKU


BIL.	PERKARA	TINDAKAN
7	<p><i>Penutup Oleh Komander Insiden Zon C4</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ucapan terima kasih atas kerjasama, cadangan dan pandangan yang diberikan oleh semua ahli JPERS zon C4, pengurus JPKPKP FKTM dan wakil-wakil JPKPKP FKTM lain yang hadir dalam mesyuarat ini. • .Mesyuarat post mortem ditangguhkan pada jam 12.15 tengah hari. 	-

Disediakan oleh:



(En. Masri Zairi Mohd Zin)
Komander Insiden Zon C4

Disahkan oleh:



(Ts. Dr. Tan Wee Choon)
Pengurus JPKPKP FKTM